3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
September 2009
$2\frac{1}{2}$ jam

# PEJABAT PELAJARAN DAERAH GOMBAK

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
## PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan di* **Bahagian B**.
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
5. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
6. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

**Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak**

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **semua** soalan di Bahagian A dan **satu** soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A**

[ 68 markah ]

Jawab **semua** soalan

1. Pada 1 Januari 2009, Encik Mohsin memulakan Perniagaan Bakery di Petaling Jaya, Kuala Lumpur sebagai pembekal roti. Modal perniagaannya RM17 100 terdiri daripada tunai yang dibankkan RM15 000 dan tunai ditangan RM2 100. Sepanjang bulan Januari 2009, urus niaga yang dijalankan ditunjukkan oleh dokumen perniagaan di Lampiran A.

Anda dikehendaki;

(a) menyediakan catatan dalam Buku Catatan Pertama (catatan urus niaga tunai dalam bentuk Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima).

( 11 ½ markah )

(b) memindahkan catatan daripada Buku Catatan Pertama ke lejar yang berkaitan.

( 11 markah )

(c) menyediakan Imbangan Duga pada 31 Januari 2009.

( 6 ½ markah )



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

2. Mariah, seorang peniaga tidak menyimpan rekod-rekod perakaunannya dengan lengkap. Pada 1 Julai 2008, baki-baki yang berikut telah dipetik daripada buku-buku akaunnya:

| | RM |
|---|---|
| Stok | 7 660 |
| Kenderaan | 18 000 |
| Alatan pejabat | 5 800 |
| Penghutang | 3 880 |
| Pemiutang | 4 970 |
| Overdraf bank | 2 500 |
| Modal | 27 870 |

Berikut adalah ringkasan akaun banknya bagi tahun berakhir 30 Jun 2009:

| **Penerimaan:** | RM | **Pembayaran:** | RM |
|---|---|---|---|
| Jualan tunai | 10 660 | Ambilan | 1 200 |
| Penghutang | 28 800 | Alatan pejabat | 360 |
| Modal tambahan | 2 900 | Insurans | 1 700 |
| Komisen | 350 | Gaji | 3 650 |
| | | Sewa | 8 500 |
| | | Pemiutang | 22 530 |
| | | Belanja am | 310 |
| Jumlah penerimaan | 42 710 | Jumlah pembayaran | 38 250 |

**Maklumat Tambahan:**

(i) Pada 30 Jun 2009, baki-baki yang berikut telah di dapati:

| | RM |
|---|---|
| Kenderaan | 16 880 |
| Alatan pejabat | 5 960 |
| Penghutang | 2 960 |
| Pemiutang | 3 110 |
| Stok | 4 960 |
| Bank | 1 960 |

(ii) Pada tahun itu, Mariah telah mengambil barang niaga bernilai RM1 680 untuk kegunaan keluarganya.

**Berdasarkan maklumat di atas,**

(a) nyatakan **dua** kelemahan rekod tak lengkap?

[ 2 markah ]

(b) hitungkan susut nilai alatan pejabat bagi tahun berakhir 30 Jun 2009?

[ 2 markah ]

(c) sediakan Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang.

[ 4 markah ]

(d) sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009.

[ 7 markah ]

(e) sediakan Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2009.

[ 5 markah ]



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

3. Sarah dan Sally ialah pekongsi-pekongsi dalam sebuah perkongsian yang membahagikan untung atau rugi dengan nisbah 3:2. Pada 1 Jun 2009, mereka bersetuju membubarkan perniagaan mereka. Berikut adalah petikan Kunci Kira-kira perkongsian mereka pada 1 Jun 2009.

| | RM |
|---|---|
| **Aset:** | |
| Alatan Pejabat | 15 500 |
| Perabot | 7 500 |
| Stok | 25 200 |
| Penghutang | 6 800 |
| Bank | 4 200 |
| | **59 200** |
| **Liabiliti dan Ekuiti Pemilik:** | |
| Modal Sarah | 30 000 |
| Modal Rally | 20 000 |
| | 50 000 |
| Pemiutang | 9 200 |
| | **59 200** |

**Maklumat Tambahan:**

Perkara-perkara yang berikut berlaku semasa pembubaran perkongsian:

(i) Perabot, stok dan alatan pejabat dijual secara tunai RM42 200

(ii) Sebanyak RM6 200 berjaya dikutip daripada penghutang dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.

(iii) Pemiutang dijelaskan sepenuhnya.

(iv) Perbelanjaan realisasi berjumlah RM780

(v) Semua penerimaan dibankkan dan pembayaran dibuat dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Akaun Realisasi

[ 3 markah ]

(b) Akaun Modal Sarah dan Akaun Modal Rally

[ 2 markah ]

(c) Akaun Bank

[ 3 markah ]

(d) Jelaskan **dua** sebab yang memungkinkan sesebuah perkongsian itu dibubarkan.

[ 2 markah ]



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

4. Nurul Ain Enterprise ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Merlimau, Melaka. Berikut ialah aset dan liabiliti perniagaan tersebut pada 30 Jun 2009:

| | RM |
|---|---|
| Alatan pejabat | 3 600 |
| Stok | 18 500 |
| Penghutang | 4 200 |
| Bank | 6 500 |
| Pemiutang | 5 800 |
| Modal | ? |

Sepanjang bulan Julai 2009, urus niaga yang berikut telah berlaku:

(i) Beli sebuah mesin cetak RM130 secara tunai.

(ii) Terima cek bernilai RM1 100 daripada penghutang

(iii) Membeli barang niaga RM1 600 secara kredit

(iv) Stok pada kos RM4 580 di jual secara kredit RM7 980

Berdasarkan maklumat di atas, **anda dikehendaki;**

(a) menghitungkan modal pada 30 Jun 2009.

[ 1 markah ]

(b) menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2009 dalam bentuk penyata selepas mengmbil kira urus niaga di atas.

[ 9 markah ]



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

**Bahagian B**
[ 12 markah ]
Jawab **satu** soalan sahaja.

5. Yang berikut ialah Buku Tunai ( ruangan bank sahaja ) dan Penyata Bank Kedai Koperasi Sekolah Taman Segar bagi bulan Mac 2009.

**Buku Tunai** ( ruangan bank sahaja )

| 2009 | | RM | 2009 | | No Cek | RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Mac 1 | Baki b/b | 1 899 | Mac 2 | Belian | 0062 | 423 |
| 9 | Jualan | *1 386 | 7 | Alatan Pejabat | 0063 | *205 |
| 13 | Mahendran | 360 | 10 | Insurans | 0064 | 322 |
| 18 | Sewa | 1 200 | 16 | Motez Bhd | 0065 | 780 |
| 29 | Ah Chong | 480 | 27 | Hanni | 0066 | 150 |
| 30 | Anuar | #1 680 | 30 | Gaji | 0067 | 430 |
| | | | 31 | Baki h/b | | 4 695 |
| | | 7 005 | | | | 7 005 |

**PENYATA BANK BAGI BULAN MAC 2009**

| Tarikh | Butir | No Cek | Debit | Kredit | Baki | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2009 | | | RM | RM | RM | |
| Mac 1 | Baki | | | | 1 989 | (KT) |
| 2 | Buku Cek | | 10 | | 1 979 | |
| 6 | Cek | 0062 | 423 | | 1 556 | |
| 9 | Cek | 0063 | 250 | | 1 306 | |
| 10 | Cek | 0059 | 90 | | 1 216 | |
| 11 | Deposit - Jualan | | | 1 380 | 2 596 | |
| 12 | Cek | 0064 | 322 | | 2 274 | |
| 15 | Deposit | | | 360 | 2 634 | |
| 20 | Faedah Simpanan Tetap | | | 265 | 2 899 | |
| 23 | Cek | 0065 | 780 | | 2 119 | |
| 24 | Deposit | | | 1 200 | 3 319 | |
| 30 | Dividen – Syarikat UMW Berhad | | | 320 | 3 639 | (KT) |

**Maklumat Tambahan**:

(i) Cek 0063 yang dikeluarkan untuk membeli alatan pejabat telah tersilap dicatatkan dalam Buku Tunai.

(ii) Cek yang diterima daripada Anuar berjumlah RM1 680 telah tidak dilayan oleh bank.

(iii) Jualan pada 9 Mac telah tersilap dicatatkan dalam Buku Tunai

**Anda dikehendaki;**

(a) mengemaskinikan Buku Tunai [ 7 markah ]

(b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2009 dengan menggunakan baki Buku Tunai yang telah diselaraskan. [ 5 markah ]



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

6. (a) Juliah berhasrat mengusahakan Perniagaan Kreatif yang mengeluarkan bakul rotan. Beliau telah membuat anggaran untuk tempoh sebulan pertama operasi perniagaannya.

| | RM |
|---|---|
| Sewa bangunan | 1 150 |
| Gaji pengurus | 1 200 |
| Upah pekerja bagi setiap hasil yang disiapkan | 5 |
| Kos bahan mentah seunit | 15 |
| Harga jualan seunit | 30 |

Jumlah bakul yang dapat disiapkan ialah 400 buah.

Hitungkan:

(i) jumlah kos tetap [ 1 markah ]

(ii) kos berubah seunit [ 1 markah ]

(iii) margin caruman seunit jika 400 buah bakul dijual [ 1 markah ]

(iv) Titik Pulang Modal [ 2 markah ]

6. (b) Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira Syarikat Seri Murni adalah seperti berikut:

**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009**

| | RM |
|---|---|
| Jualan bersih | 15 000 |
| (-) Kos Jualan | 10 000 |
| Untung kasar | 5 000 |
| (-) Perbelanjaan | 2 000 |
| Untung bersih | 3 000 |

**Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2009**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Alatan Pejabat | 10 000 | Modal 1 Julai 2008 | 12 000 |
| Stok | 1 000 | Untung bersih | 3 000 |
| Penghutang | 2 000 | | |
| Bank | 3 000 | Pemiutang | 1 000 |
| | 16 000 | | 16 000 |

Berdasarkan maklumat di atas, hitungkan:

(i) aset semasa [ 1 markah ]

(ii) nisbah semasa [ 2 markah ]

(iii) tokokan [ 2 markah ]

(iv) margin untung bersih [ 2 markah ]



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

LAMPIRAN A

ASAL

**INVOIS**

No: A0345

PERABOT KIAN
46-02 Jalan Molek
47100 Puchong, Selangor
Tel: 03-80623686

Kepada:
Sinmag Bakery
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 2 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 5 buah | Almari | 500 | 2 500.00 |
| 4 buah | Peti Sejuk | 900 | 3 600.00 |
| 2 buah | Meja | 145 | 290.00 |
| | | | 6 390.00 |
| | Tolak: Diskaun niaga 10% | | 639.00 |
| | | Jumlah | 5 751.00 |

(Ringgit Malaysia: Lima ribu tujuh ratus lima puluh satu sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5% 14 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K & K diK

*Mohan* — Penerima
*Jazmizi* — Pengurus

DOKUMEN 1

ASAL

**BIL TUNAI**

No: 2190

KEDAI ALAT TULIS NOBLE
No 103 & 105 Lorong Kenanga
55200 Kuala Lumpur
Tel: 03-92222126

Kepada:
Sinmag Bakery
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 3 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 25 buah | Fail Kertas | 1.20 | 30.00 |
| 12 rim | Kertas Pendua | 7.00 | 84.00 |
| 14 buah | Buku Log | 6.00 | 84.00 |
| 5 buah | Buku Lejar | 9.00 | 45.00 |
| | | Jumlah | 243.00 |

(Ringgit Malaysia: Dua ratus empat puluh tiga sahaja)

Tunai / No cek:

*Mohan* — Penerima
*John Sheai* — Pengurus

DOKUMEN 2



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

ASAL

No: IN7215

# INVOIS

ANGEL CAKE HOUSE
64, Jalan Telawi
55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-22828788

Kepada:
Sinmag Bakery
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 4 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 200 buku | Roti Fibre | 1.60 | 320.00 |
| 300 buah | Bun Mentega | 0.50 | 150.00 |
| 250 buku | Roti Sardin | 1.40 | 350.00 |
| 120 buah | Kek Lapis Pandan | 4.00 | 480.00 |
| | | | 1 300.00 |
| | Tolak: Diskaun niaga 10% | | 130.00 |
| | | Jumlah | 1 170.00 |

(Ringgit Malaysia: Satu ribu satu ratus tujuh puluh sahaja)
Syarat : 10% 5 hari, 5% 14 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K & K diK

*Kahsin*
Penerima

*Rita*
Pengurus

DOKUMEN 3

ASAL

No: 0432

# NOTA KREDIT

ANGEL CAKE HOUSE
64, Jalan Telawi
55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-22828788

Kepada:
Sinmag Bakery
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 6 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 10 buah | Roti Sardin | 1.40 | 14.00 |
| 9 buah | Kek Lapis Pandan | 4.00 | 36.00 |
| | | | 50.00 |
| | Tolak: Diskaun niaga 10% | | 5.00 |
| | | Jumlah | 45.00 |

[Barang niaga dipulangkan kerana kurang segar]
(Ringgit Malaysia: Empat puluh lima sahaja)
Syarat : 10% 5 hari, 5% 14 hari
Serahan : Angkutan dibayar. K & K diK

*Fiza*
Pengurus

DOKUMEN 4



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

SINMAG BAKERY
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-2225600

**MEMO**

Tarikh: 7 Januari 2009

Barang niaga berjumlah RM90 digunakan untuk promosi jualan perniagaan.

*Mohain*
Pengurus

DOKUMEN 5

ASAL

**BIL TUNAI**

No: A08765

KEDAI KEK MEGAH
A25 Jalan Kuang Bulan
52100 Kepong, Kuala Lumpur

Kepada:
Sinmag Bakery
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 9 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 35 buah | Kek Gulung | 3.80 | 133.00 |
| 90 keping | Donut | 0.60 | 54.00 |
| 130 paket | Biskut Mentega | 6.00 | 780.00 |
| | | Jumlah | 967.00 |

(Ringgit Malaysia: Sembilan ratus enam puluh tujuh sahaja)

Tunai / No cek: RBB 81600

*Mohain*
Penerima

*Hmmm*
Pengurus

DOKUMEN 6



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

SALINAN

No: S9001

## INVOIS

SINMAG BAKERY
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-2225600

Kepada:
Cami Bakery
Sri Edaran Industry Park
47620 Subang Jaya, Selangor

Tarikh: 11 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 100 buah | Roti Fibre | 2.10 | 210.00 |
| 40 buah | Bun Mentega | 0.75 | 30.00 |
| 50 buku | Roti Sardin | 1.80 | 90.00 |
| 30 buah | Kek Lapis Pandan | 5.00 | 150.00 |
| | | | 480.00 |
| | Tolak: Diskaun niaga 10% | | 48.00 |
| | | Jumlah | 432.00 |

(Ringgit Malaysia: Empat ratus tiga puluh dua sahaja)

Syarat : 5% 5 hari, 2% 14 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K & K diK

*Jamaliah*
Penerima

*Mohsin*
Pengurus

DOKUMEN 7

SALINAN

No: R001

SINMAG BAKERY
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-2225600

## RESIT RASMI

Tarikh: 15 Januari 2009

Diterima daripada : Cami Bakery
Ringgit : Empat ratus tiga puluh dua sahaja
Untuk bayaran : Menjelaskan Invois No:S9001

**RM432.00**

Tunai / No Cek: ANNB64432

*Mohsin*
Pengurus

DOKUMEN 8



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

ASAL | ANGEL CAKE HOUSE | No: 2345

64, Jalan Telawi
55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-22828788

**RESIT RASMI** | Tarikh: 16 Januari 2009

Diterima daripada : Sinmag Bakery
Ringgit : Satu ribu lapan sahaja
Untuk bayaran : Menjelaskan Invois No:IN7215(Diskaun tunai RM117)

**RM1 008.00**

Tunai / No Cek: BCB 81601

Pengurus

DOKUMEN 9

SALINAN | **INVOIS** | No: A0002

SINMAG BAKERY
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-2225600

Kepada:
Cami Bakery
Sri Edaran Industry Park
47620 Subang Jaya, Selangor

Tarikh: 22 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 10 buah | Kek Gulung | 5.00 | 50.00 |
| 40 paket | Biskut Mentega | 7.50 | 300.00 |
| | | | 350.00 |
| | Tolak: Diskaun niaga 10% | | 35.00 |
| | | Jumlah | 315.00 |

(Ringgit Malaysia: Tiga ratus lima belas sahaja)

Syarat : 5% 5 hari, 2% 14 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K & K diK

Penerima | Pengurus

DOKUMEN 10



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

No: S9001

SALINAN

**BIL TUNAI**

SINMAG BAKERY
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-2225600

Kepada:
Harvest Bakery
23 Jalan U5/15
47100 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 23 Januari 2009

| Kuantiti | Butir | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 40 buku | Roti Fibre | 1.90 | 76.00 |
| 100 buah | Bun Mentega | 0.80 | 80.00 |
| 30 buah | Kek Lapis Pandan | 5.10 | 153.00 |
| | | Jumlah | 309.00 |

(Ringgit Malaysia: Tiga ratus sembilan sahaja)

Tunai / No cek: TBB32160

Penerima

Pengurus

DOKUMEN 11

Tarikh : 28 Januari 2009
Penerima : Agensi Pengangkutan Tai Tong Bhd
Kerana : Angkutan keluar

| | Ringgit | Sen |
|---|---|---|
| Baki akhir | 13 766 | 00 |
| Dimasukkan | - | - |
| Jumlah | 13 766 | 00 |
| Cek ini | 670 | 00 |
| Baki | 13 096 | 00 |

No: 81602

KERATAN CEK

DOKUMEN 12



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

SINMAG BAKERY
No 31 Jalan PJS 11/24
46150 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-2225600

**BAUCER PEMBAYARAN**

Kepada:
PERABOT KIAN
46-02 Jalan Molek
47100 Puchong, Selangor

Tarikh: 29 Januari 2009

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (RM) | TANDATANGAN PENERIMA |
|---|---|---|---|
| 1 | Bayar invois No. A0345 bertarikh 2 Januari 2009 | 5 751.00 | Tarmizi |

(Ringgit: Lima ribu tujuh ratus lima puluh satu sahaja)
Tunai / No Cek: BCB 81603

Diluluskan oleh:
Mohsin
Pengurus

DOKUMEN 13

KERTAS SOALAN TAMAT



Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com